

[Nota: Notis akan dikeluarkan kepada Pelanggan bagi memberitahu Pelanggan atas aplikasi 'penerimaan klaus deeming' sebelum tarikh transaksi]

Tuan/Puan,

**KEMUDAHAN PEMBIAYAAN HARTA KOMODITI MURABAHAH-i**

Kami merujuk kepada Kemudahan di atas.

Kami merujuk kepada Kemudahan Pembiayaan Harta Komoditi Murabahah-i yang ditawarkan kepada tuan/puan melalui Surat Tawaran (ST) kami.

Adalah dimaklumkan bahawa semasa pembelian Minyak Sawit Mentah (MSM) oleh kami yang diminta melalui Permintaan Pembelian tuan/puan, kami akan memaklumkan kepada tuan/puan tawaran kami untuk menjual MSM melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS).

Tuan/puan akan diberikan masa satu (1) jam untuk membalias SMS tersebut, jika tidak tuan/puan dianggap bersetuju dengan penjualan komoditi tersebut dan untuk meneruskan dan menyelesaikannya urus niaga jualan komoditi seperti yang dinyatakan dalam ST tersebut. Sila dapatkan sampel mesej SMS yang akan dihantar kepada tuan/puan seperti berikut:

“CIMB menawarkan untuk menjual unit XXX MSM pada harga jualan seperti di dalam ST. Balas YAcm / TIDAKcm dalam masa 1 jam, atau ia akan dianggap diterima. Hubungi 03-23026917 untuk pertanyaan”.

Terima kasih kerana menggunakan perkhidmatan kami.

CIMB ISLAMIC BANK BERHAD  
(Company No. 671380-H)

*Notis ini adalah dijana oleh komputer. Tiada tandatangan diperlukan.*